

# Berita

# Bapa cukur botak demi sokong anak pesakit barah

► NUR FATHIN AWALLUDIN  
mfathin@sph.com.sg

"AYAH nanti rambut Asfa panjang, Asfa boleh pakai cekak dan klip rambut kan?"

Begitulah harapan yang dinyatakan Asfa Horis, empat tahun, kepada ayahnya, Encik Horis Hosri, 35 tahun.

Seperti ramai kanak-kanak perempuan seusianya yang lain, yang sukakan puteri-puteri, Asfa juga mahu kelihatan cantik dengan rambut panjang seperti puteri-puteri yang diminatinya itu.

Namun, dek perlu menjalani rawatan kemoterapi, rambutnya sudah banyak yang gugur.

Asfa, yang didiagnos menghidap *Acute Lymphoblastic Leukaemia* sejak berusia dua tahun, perlu menjalani pelbagai rawatan untuk mengawal barahnya itu.

*Acute Lymphoblastic Leukaemia* merupakan sejenis barah yang menjelas sel darah putih. Ia merupakan jenis leukemia yang paling biasa dihadapi kanak-kanak.

"Waktu baru dapat tahu, kami sedih sangat sebab yang pertama, kami tak tahu banyak tentang leukemia dan kami pun selalu fikir leukemia itu sesuatu yang berlaku kepada orang lain sahaja, bukan kepada kami," kongsikan Encik Horis yang akur perasaannya ketika itu bercampur-baur.

Anak perempuan Encik Horis dan isterinya, Cik Azleen Khamis, 34 tahun, itu perlu menjalani pelbagai rawatan termasuk kemoterapi dan prosedur 'spinal tap' yang juga dikenali sebagai *lumbar puncture* dengan jarum dimasukkan ke saluran tulang belakang untuk mengumpul cecair serebrospinal (CSF) bagi ujian diagnostik.

"Kami tahu ini suatu ujian, tapi kami terimanya dengan tabah. Sedih dan sakit terimanya tapi sedikit demi sedikit kami harungi bersama," kata Encik Horis.

Beliau dan isteri akur sokongan jitu dan berkat doa keluarga serta orang ramai banyak membantu dalam mereka menghadapi cabaran tersebut.

Demi memberi sokongan kepada anaknya itu dan agar dia tidak rasa keseorangan dalam perjuangannya menentang barah, Encik Horis membuat keputusan mencukur rambutnya.

Beliau hadir pada acara 'Hair for Hope (HfH) 2018' di VivoCity semalam dan kepalanya dicukur botak oleh Patron Yayasan Barah Kanak-kanak (CCF), Profesor Madya Ho Peng Kee.

Acara dua hari itu, yang berakhir hari ini, bertujuan mendapatkan sokongan sekurang-kurangnya 6,500 orang yang mahu mencukur botak dan mengumpulkan \$3.6



**CUKUR RAMBUT BAGI TUJUAN BAIK:** (Depan dari kiri) Encik Horis Hosri, Wilson Wu Wen Hong dan Encik Sheam Kannan masing-masing dicukur rambut mereka oleh (belakang dari kiri) Patron Yayasan Barah Kanak-kanak (CCF), Profesor Madya Ho Peng Kee; Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Menteri Kedua Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee; dan Pengurus CCF, Encik Ho Cheng Huat, di VivoCity semalam. – Foto YAYASAN BARAH KANAK-KANAK

juta bagi program dan perkhidmatan yang diberikan kepada penerima bantuan CCF.

Awal sebelum acara HfH itu, lebih 2,400 individu sudah pun mencukur botak pada 52 acara satelit yang berlangsung dari April hingga Julai tahun ini.

HfH bertujuan mengumpul dana dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang barah kanak-kanak, selain menunjukkan ke-

pada kanak-kanak yang menghidapi barah bahawa mereka tidak keseorangan dalam perjuangan mereka.

"Dengan melakukan ini (mencukur rambut di Hair for Hope), saya dapat menyokong CCF. Tidak banyak yang boleh saya lakukan, jadi seberapa mana saya boleh bantu, saya lakukan," kata Encik Horis.

Turut hadir dalam acara tersebut ialah

menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Menteri Kedua Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee.

Encik Lee memuji usaha sukarelawan dan semua yang terlibat dalam menjayakan acara HfH dengan menyatakan bahawa komitmen dan penyertaan mereka merangkumi apa yang diharap dapat terkandung dalam pergerakan SG Cares.